

## Hukum Penggunaan Plasenta Haiwan dalam Produk Kecantikan di Malaysia

*The Legal Status on the Use of Animal Placenta in Beauty Products in Malaysia*

SITI MARYAM ABDULLAH, Universiti Kebangsaan Malaysia  
CHE MARYAM AHMAD, Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Permintaan yang tinggi terhadap produk kecantikan dipengaruhi oleh sikap pengguna hari ini yang mementingkan kecantikan. Sebahagian produk kecantikan yang ditawarkan di pasaran dihasilkan melalui campuran bahan bersumberkan plasenta. Justeru, artikel ini memfokuskan kepada hukum penggunaan plasenta haiwan dalam produk kecantikan di Malaysia. Objektifnya adalah untuk mengkaji status hukum Syarak penggunaan bahan kecantikan yang mengandungi plasenta haiwan di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data menerusi analisis dokumen dan temu bual. Hasil kajian mendapati penggunaan bahan kecantikan yang mengandungi plasenta haiwan meragukan dari sudut hukum. Dalam konteks hukum Syarak, jumhur ulama telah bersepakat bahawa plasenta yang diperoleh daripada haiwan ketika masih hidup adalah najis. Manakala plasenta yang diperoleh daripada haiwan yang telah mati, pendapat terhadapnya berdasarkan kepada bagaimana haiwan itu mati. Jumhur ulama bersepakat bahawa bahagian tubuh yang diperoleh daripada haiwan yang mati tanpa disembelih mengikut ketetapan Syarak adalah najis. Sebahagian ulama berpendapat plasenta yang diperoleh daripada haiwan yang mati secara penyembelihan menurut Syarak adalah suci dan sebahagian yang lain berpendapat najis. Dalam konteks pelaksanaannya di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meluluskan penggunaan plasenta dalam produk kecantikan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula telah menolak secara total penggunaan plasenta dan tidak mengeluarkan sijil halal terhadap produk jenis itu. Perbezaan ini disebabkan oleh penilaian yang digunakan berbeza berdasarkan peruntukan perundangan yang berbeza.

Kata kunci: plasenta, produk berasaskan haiwan, produk kecantikan, produk halal, peraturan halal Malaysia

### ABSTRACT

The high demand towards beauty products is influenced by consumer's attitude nowadays that heavily emphasize on beauty and makes it a necessity. Some beauty products available in the market are produced through mixture of placenta ingredients. Hence, this article focuses on the legal status of the use of animal placenta in beauty products in Malaysia. The objective of this article is to study the legal status of the Islamic law towards beauty products that contains animal placenta in Malaysia. This is a qualitative study which applies the data collection method through document analysis and interviews. The study outcomes reveals that there is uncertainty on the halal status towards beauty products containing animal placenta. In the context of the Islamic law, majority scholars have agreed that placenta obtained from animals while still being alive is considered as impure. Scholars based their opinions on how the animal died in regards to if the placenta is obtained from dead animals. Majority scholars agrees that body parts obtained from dead animals without it being slaughtered according to the Sharia requirements is also considered as impure. Some scholars view placenta obtained from dead animals that is slaughtered according to Sharia as clean, while, some scholars still regard it as faeces and unclean. In the context of implementation in Malaysia, Ministry of Health Malaysian has approved the use of placenta in beauty products. In contrast, Department of Islamic Advancement of Malaysia (Jakim) wholly rejects the use of placenta and refuses to issue a halal certificate towards such products. These differences are results of the application of different valuations based on different legal provisions.

**Keywords:** placenta, animal-based product, beauty products, halal product, Malaysian Halal regulation

### PENGENALAN

Industri kecantikan merupakan salah satu industri yang berkembang pesat di seluruh dunia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2013 negara telah membelanjakan kira-kira US\$407 juta

untuk produk kecantikan khususnya produk kosmetik dan penjagaan diri. Sebahagian besar permintaan dipenuhi oleh produk import dari Amerika Syarikat, Jepun dan Thailand. Malaysia telah memperuntukkan kira-kira US\$295 juta untuk produk yang diimport dan jika dibandingkan jumlah import dengan saiz

penduduk 29.72 juta pada tahun itu, ia sama seperti setiap rakyat Malaysia membelanjakan sebanyak US\$10 juta untuk produk kosmetik dan penjagaan diri (U.S. Commercial Service 2015).

Kriteria utama bagi pengguna dalam pemilihan sesuatu produk bukan bergantung kepada nilai agama tetapi dipengaruhi oleh teknik pengiklanan, gaya hidup, cita rasa, harga atau pendapatan. Selain itu, keinginan pengguna hari ini lebih mementingkan kecantikan diri sebagai satu keperluan dan bersedia membayar harga yang tinggi untuk mendapatkan sesuatu produk (Hassali et al. 2015; Sanep Ahmad et al. 2014).

Produk kecantikan yang turut mendapat tempat di pasaran kini adalah produk yang mengandungi plasenta (H, Renuka 2013; Shahril Effendi Shuib 2013). Namun begitu, hukum penggunaannya sebagai bahan kecantikan adalah meragukan. Perkara ini perlu diperjelaskan kerana Islam menyeru umatnya supaya menggunakan sesuatu yang baik, suci dan halal. Sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud:-

Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu (al-Qur'an, al-Baqarah 2:168).

Dalam sebuah hadis, al-Nu'man ibn Bashir meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

Perkara yang halal itu jelas dan haram juga jelas. Antara keduanya ada hal-hal yang *shubhat* (samar-samar). Jika seseorang mahu meninggalkan hal-hal *shubhat* yang boleh menjerumuskan ke dalam dosa, maka dia pasti mahu meninggalkan hal-hal yang jelas keharamannya. Jika seseorang berani melakukan hal-hal *shubhat* yang boleh menjerumuskan ke dalam dosa, maka dia akan mudah terjerumus kepada hal-hal yang jelas keharamannya (al-Bukhāri. *Sahih al-Bukhāri*. Kitab Buyu'. Bab al-halal bayyin wa al-haram bayyin wa baynahuma mushabbahat).

Justeru, artikel ini memfokuskan tentang hukum penggunaan plasenta haiwan dalam produk kecantikan dalam konteks negara Malaysia.

## DEFINISI PLASENTA DAN PRODUK KECANTIKAN

### 1. Plasenta

Plasenta ialah istilah yang berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud 'kek yang rata'. MedicineNet.com (t.th.) mentakrifkan plasenta sebagai organ sementara yang menghubungkan ibu dengan janin, memindahkan oksigen dan nutrien daripada ibu kepada janin dan membebaskan karbon dioksida dan bahan buangan daripada janin.

Merujuk Kamus Dewan (1994), plasenta didefinisikan sebagai organ yang menghubungkan antara ibu dengan janin dalam rahim. Ia membekalkan makanan, termasuk oksigen daripada ibu kepada janin dan juga mengeluarkan bahan


kumuhan daripada janin melalui ibu. Plasenta juga dikenali sebagai tembur dan uri.

Dalam Bahasa Arab, plasenta dikenali sebagai *al-Mashiyah* yang bermaksud lapisan *adventitia* yang melapik selaput nipis pada janin dalam perut dan keluar bersamanya semasa proses kelahiran (Mu'jam al-Mu'tamad 2007). Ia juga dikenali sebagai *al-Khalas*. Sekiranya ia dipotong atau terpisah daripada janin, maka ia sebahagian daripada janin dan sekiranya plasenta itu mempunyai janin di dalamnya, maka ia bukan sebahagian daripada ibunya dan juga bukan daripada janin (al-Haytami, Ibn Hajar t.th.).

Dalam zoologi, plasenta merupakan organ dari jisim tisu lembut yang melekat pada janin. Ia mempunyai ciri penting iaitu terdapat dua sistem peredaran darah yang dimiliki oleh janin dan induk di mana kedua-duanya saling merapati antara satu sama lain tetapi mengalir secara berasingan mengikut saluran darah masing-masing. Peredaran darah janin disambungkan kepada plasenta melalui saluran-saluran darah seperti *umbilical vein*; saluran darah yang membawa masuk oksigen darah daripada plasenta kepada janin dan *umbilical arteries*; saluran darah yang membawa keluar oksigen darah daripada janin. Manakala peredaran darah induk disambungkan kepada dinding rahim melalui saluran darahnya sendiri seperti *maternal vein* dan *maternal artery*.



Rajah 1: Bahagian rahim yang mempunyai janin dan ia bersambung dengan plasenta ke dinding rahim (Encyclopedia of the Animal World 1982).



Rajah 2: Keratan bahagian plasenta (Mosby's Dictionary of Medicine, Nursing & Health Professions 2009).

Setelah janin mengalami implantasi, plasenta tersebut akan berkembang dan keluar bersama anak semasa proses kelahiran. Ia terpisah dari rahim disebabkan oleh saluran darah rahim dan tisu pecah. Bahagian yang berasal daripada janin akan terkeluar sedangkan bahagian daripada induk yang membesar sepanjang tempoh kehamilan akan kembali kepada asalnya setelah anak itu dilahirkan (Dictionary of Nature 1994; Encyclopedia of the Animal World 1982; Mosby's Dictionary of Medicine, Nursing & Health Prosessions 2009; Van Nostrand's Scientific Encyclopedia 2008).

## 2. Produk Kecantikan

Dalam Bahasa Inggeris, produk kecantikan disebut sebagai *beauty product*. Istilah tersebut bermula sejak awal kurun ke-20 yang membawa maksud apa-apa produk terutamanya krim dan losyen yang bertujuan untuk membaiki penampilan seseorang (Oxford Dictionaries t.th.).

Produk kecantikan sinonim dengan apa-apa bahan yang digunakan untuk kecantikan, mengubah penampilan, membaiki struktur dan bukan bertujuan untuk merawat atau mencegah penyakit (Nur Azlina 2016) seperti suplemen tambahan yang diambil oleh individu tidak kira peringkat umur, jantina dan bangsa (Low, Li Ying 2014). Walau bagaimanapun, tidak semua produk yang bertujuan untuk kecantikan diklasifikasikan sebagai produk kecantikan. Pengklasifikasian ini dipengaruhi oleh cara pengambilan dan penggunaan sesuatu produk (Karen & Wan Najihah 2017). Sejarah pengklasifikasian bermula pada abad ke-19 apabila industri farmaseutikal moden mula dibangunkan dan Peraturan Jualan Dadah digubal (Wanjari, N. & Waghmare, J. 2015).

Produk kecantikan ialah produk yang digunakan pada bahagian luaran tubuh badan sahaja atau lebih dikenali sebagai produk kosmetik dan dandan diri seperti serum, losyen, syampu dan krim (Karen & Wan Najihah 2017; Nurhirza 2016). Ia juga diklasifikasikan sebagai produk penjagaan kulit, kosmetik warna, produk mandian, produk bayi, penjagaan badan, penjagaan gigi, minyak wangi dan produk penjagaan rambut (Shuhaimi Mustafa et al. 2013).

Melihat kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik (1984) dan MS 2200:2008 Barang Gunaan Islam - Bahagian 1: Kosmetik Dan Dandanan Diri – Garis Panduan Umum, kosmetik dan dandan diri ditakrifkan sebagai bahan dan sediaan yang dibuat untuk bersentuhan dengan pelbagai bahagian luaran badan (epidermis, rambut, kuku, bibir dan organ sulit luaran) atau pada gigi dan saluran mukus di mulut. Ini bertujuan semata-mata untuk membersih, mewangikan, mengubah penampilan dan/atau membaiki bau badan dan/atau melindunginya atau memeliharanya dalam keadaan yang baik. Produk ini bukan bertujuan untuk merawat atau mencegah penyakit (JSM 2008; NPCB 1984).

## PENGGUNAAN PLASENTA DALAM PRODUK KECANTIKAN

Plasenta ialah satu organ yang menyatukan janin pada rahim ibu. Ia mempunyai banyak nutrien seperti karbohidrat, protein, lemak, asid amino, asid lemak, vitamin, mineral dan fiber (H, Renuka 2013; Ki-Bae, Hong et al. 2015; Muralidhar & Panda 2000; Shinde et al. 2009; Yoshida 2001). Sehubungan dengan itu, ia digunakan sebagai bahan kecantikan kerana dipercayai dapat membantu menggalakkan pertumbuhan tisu, mengurangkan tanda-tanda penuaan (*anti ageing*), merawat sel-sel yang rosak, membantu meningkatkan ketegangan dan keanjalan kulit, melembapkan kulit, mengurangkan pigmentasi dan bintik-bintik hitam pada wajah, memutihkan dan menghaluskan kulit dan mengatasi masalah rambut (Chakraborty & Bhattacharyya 2012; Cho et al. 2008; H, Renuka 2013; Low, Li Ying 2014; Muralidhar & Panda 1999).

Plasenta boleh diperoleh daripada manusia atau haiwan mamalia (Chakraborty & Bhattacharyya 2012; Shinde et al. 2009) tetapi hanya beberapa jenis plasenta digunakan sebagai bahan kecantikan. Kerajaan Amerika Syarikat tidak membenarkan penggunaan plasenta manusia dalam semua produk termasuk produk kosmetik dan farmaseutikal sejak tahun 2008 kerana tiada maklumat atau data sokongan keselamatan mengenainya (Narkbunnum, W. et al. 2011). Namun begitu, kebanyakan pengeluar atau pengilang mengambil alternatif dengan menggunakan plasenta daripada haiwan seperti biri-biri, kuda dan rusa (H, Renuka 2013; Jeung, Hi Han et al. 2013).

Plasenta diperoleh daripada haiwan yang diternak khas di tempat ternakan tertentu misalnya di makmal berteknologi tinggi dengan menggunakan kaedah ‘koloni bertutup’ di mana haiwan-haiwan diternak secara berasingan dalam kelompok tertentu. Ini bertujuan untuk mencegah jangkitan penyakit dan juga untuk menjamin kualiti plasenta (Low, Li Ying 2014; Zell-V t.th.). Ia diambil setelah haiwan melahirkan anak (Jeung, Hi Han et al. 2013) dan situasi ini menggambarkan bahawa plasenta diambil setelah ia terpisah daripada janin dan induknya secara semula jadi.

Kemudian, ia diproses menjadi sumber ekstrak sebelum digunakan dalam produk. Ekstrak tersebut adalah hasil pemprosesan plasenta asli, namun komposisi nutrien atau zat yang terdapat pada ekstrak berkurang jika dibandingkan dengan plasenta asal dan ini bergantung kepada kaedah pemprosesannya (Chakraborty & Bhattacharyya 2012; Yoshida 2001).

Berikut ialah salah satu contoh kaedah pemprosesan untuk menghasilkan sumber ekstrak yang dilakukan di salah satu kilang di Jepun (Charites Japan Inc. t.th.) :-

1. Plasenta yang telah dibekukan dihantar ke kilang oleh pembekal dari beberapa negara seperti Brazil, Kanada dan Australia.

2. Plasenta itu dinyahbeku dan kemudian diperiksa, dipilih dan dibasuh. Ini merupakan proses yang sangat penting sebagai langkah pertama untuk menghasilkan ekstrak plasenta yang berkualiti. Selepas itu, plasenta-plasenta dimasukkan ke dalam mesin basuh khas untuk dibersihkan.
3. Kemudian diteruskan pula dengan proses penguraian protein menggunakan peralatan hidrolisis. Air dan enzim proteolisis yang terdapat di dalam peralatan ini akan menguraikan protein (bahan utama dari plasenta) kepada asid amino melalui pemanasan secara kaedah getaran. Proses ini juga dapat mengurangkan bau plasenta.
4. Selepas itu, dilakukan pula proses penyaringan. Ia dimasukkan ke dalam mesin penapisan bertujuan untuk menapis dan memilih sebatian yang berkualiti.
5. Seterusnya dilakukan pula proses pemeraman dengan melakukan pengulangan kaedah pembekuan dan pencairan. Proses itu adalah untuk menyingkirkan lagi kotoran yang terdapat pada sebatian itu. Setelah itu, dimasukkan pula ke dalam bahan larutan untuk menjaga kualiti ekstrak tersebut.
6. Proses pensterilan haba turut dilakukan. Bagi kegunaan bahan kosmetik, sebatian tadi dimasukkan ke dalam mesin ultra bertekanan tinggi untuk menghasilkan ekstrak plasenta yang bebas daripada kuman dan berkualiti tinggi.
7. Kemudian, diulang semula proses penyaringan ke atas sebatian itu dan terhasillah produk akhir iaitu ekstrak plasenta untuk kegunaan produk kecantikan.

#### HUKUM PENGGUNAAN PLASENTA SECARA UMUM

Plasenta haiwan boleh diperoleh melalui dua keadaan sama ada ketika haiwan itu masih hidup atau selepas mati. Persoalan yang timbul adakah hukum plasenta diklasifikasikan sebagai suci atau najis. Penetapan ini bergantung kepada keadaan haiwan itu ketika plasentanya diambil sama ada dalam keadaan haiwan masih hidup atau telah mati.

Jumhur ulama bersepakat plasenta yang diambil daripada haiwan ketika masih hidup ialah najis (al-Bar, <sup>c</sup>Ali 1994; Ibn Qudamah 1994; al-Kāsāni 2003; al-Majjāji 2010; al-Nawawi 2005; al-Ramlī t.th.; Tāhir, al-Ḥabib 2001; al-Zuhayli, Wahbah t.th.). Menurut al-Ramlī (t.th.) dalam kalangan ulama mazhab Syafie, plasenta yang terpisah daripada haiwan ketika masih hidup ataupun setelah mati adalah bangkai meskipun ia terpisah disebabkan oleh perbuatan manusia yang memotongnya ataupun secara semula jadi. al-Sharbīnī Khaṭīb (1998) ulama mazhab Syafie dan Tahir, al-Ḥabib (2001) ulama mazhab Maliki menjelaskan bahawa penetapan bangkai itu disebabkan oleh bahagian tubuh yang terpisah tersebut mempunyai ‘*tahilluhu al-hayah*’. Perkataan tersebut bererti ditempati roh (hidup) dan

buktinya apabila dipotong, ia terasa sakit (al-Ḥusaynī, Taqī al-Dīn (t.th.). Ibn Qudamah (1994) ulama mazhab Hanbali juga menjelaskan bahawa apabila sesuatu anggota tubuh yang mempunyai hidupan dan terpisah dari hidupannya, maka anggota tersebut mati. Kematian itu menjadikan ianya bangkai dan bernajis. Di samping itu, kenajisannya disebabkan darah yang terkumpul padanya seperti mana yang dinyatakan oleh al-Bar, <sup>c</sup>Ali (1994) dan al-Kāsāni (2003) dengan merujuk pendapat Imam Abu Hanifah bahawa bahagian anggota tubuh yang terpisah daripada induknya ketika masih hidup dan mempunyai darah adalah najis.

Asas penetapan ini bertepatan kepada firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Sesungguhnya Dia hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang disembelih (menyebut nama) selain Allah (al-Qur'an, al-Baqarah 2: 173)

Ayat ini memberi penjelasan kepada orang-orang yang beriman supaya memakan sesuatu yang tidak diharamkan oleh Allah s.w.t seperti *baḥīrah* dan sebagainya kecuali bangkai, darah, daging babi dan binatang yang tidak disembelih bukan kerana Allah (al-Tabari 2005).

Ini juga berdasarkan firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging) haiwan yang disembelih atas nama selain Allah (al-Qur'an, al-Maidah 5: 3).

Salah satu yang diharamkan dalam ayat ini adalah bangkai (*maytah*) yang membawa maksud segala sesuatu yang bernyawa daripada pelbagai jenis haiwan darat, yang dihalalkan untuk dimakan dan mati tanpa disembelih. Sementara sebahagian yang lain berpendapat bahawa bangkai adalah segala sesuatu yang telah ditinggalkan oleh kehidupan daripada haiwan darat yang halal dimakan dan tidak disembelih (al-Tabari 2005).

Di samping itu, ia bersesuaian dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud:-

Katakanlah, “Tidak kudapati dalam apa yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi orang yang ingin memakannya, kecuali jika makanan itu adalah bangkai, darah yang mengalir, daging babi – kerana sesungguhnya semua itu kotor” (al-Qur'an, al-Ancam 6:145)

Ayat ini menyatakan tentang tiada penemuan yang mengharamkan sesuatu bagi orang yang ingin memakannya kecuali dari bangkai, darah yang mengalir atau daging babi disebabkan semua itu kotor. Setiap yang kotor itu najis (Ibn Kathīr 2000).

Ayat-ayat di atas jelas menunjukkan bahawa hukum bangkai. Lafaz ‘*al-maytah*’ yang mengandungi *alif lam ma'rifah* bersifat umum dan ia merangkumi keseluruhan bangkai termasuk anggota lain seperti plasenta, tulang dan selainnya. Sesungguhnya setiap bangkai adalah najis melanink ada dalil yang mengecualikannya (Ibn <sup>c</sup>Ashur t.th.; Tāhir, al-Ḥabib 2001). Tujuan pengharamannya disebabkan oleh darah (kotoran) yang terkumpul

padanya di mana ia boleh memudaratkan dan membahayakan kesihatan tubuh badan (Ibn Kathīr 2000). Justeru, plasenta yang diambil ketika haiwan masih hidup tergolong sebagai bangkai dan hukumnya adalah haram.

Selain itu, penetapan ini berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abu Waqid al-Laythī r.a yang menyatakan bahawa:-

Rasulullah s.a.w bersabda: “Anggota tubuh haiwan yang dipotong ketika haiwan itu masih hidup adalah bangkai”. (al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-Atīmah, Bab ma qutū’ min al-hayy fahuwa mayyit. No. hadis 1480). Menurut al-Tirmidhi: hadith ini bertaraf *hasan gharib* dan diamalkan oleh ahli ilmu. Hadith ini adalah sahīh.

Hadith ini menceritakan tentang Rasulullah s.a.w ke Madinah dan mendapati sekumpulan masyarakatnya memotong bahagian lemak kambing dan bongkol unta untuk dimakan minyaknya dan dijadikan lemaknya sebagai bahan bakar pelita. Setelah melihat perbuatan tersebut, baginda bersabda bahawa apa-apa anggota tubuh haiwan yang dipotong ketika masih hidup adalah bangkai (Hasan Sulaiman al-Nuri et al. 2011; al-Sayyid Sabiq, 1999; al-Sādi 2002; al-Shawkani 1998). Perkataan ‘*al-bahīmah*’ membawa maksud haiwan berkaki empat yang halal dimakan dan tidak berakal seperti lembu dan kambing (al-‘Asqalany 1998; al-Şan‘ani 2000). Justeru, plasenta yang diambil daripada haiwan yang hidup meskipun halal dimakan diklasifikasikan sebagai bangkai yang diharamkan dan bersifat najis.

Hukum plasenta yang diperoleh daripada haiwan yang telah mati pula merujuk kepada bagaimana haiwan itu mati. Jumhur ulama bersepakat bahawa bahagian tubuh yang diperoleh daripada haiwan yang mati tanpa disembelih mengikut apa yang ditetapkan oleh Syarak adalah najis kerana ia ialah bangkai (‘Awdah 2002; al-Ramli t.th; al-Sayyid Sabiq, 1999).

Haiwan yang mati tanpa disembelih mengikut Syarak adalah seumpama penyembelihan orang Majusi dan orang yang sedang berihram di mana ia diklasifikasikan sebagai bangkai. Semua jenis bangkai hukumnya najis dan kenajisan tersebut merangkumi keseluruhan bangkai (al-Sharbini, Khaṭīb 1998; al-Ḥusayni, Taqi al-Din .t.h.). Asas penetapan ini sama seperti asas penetapan hukum plasenta yang diperoleh daripada haiwan ketika masih hidup dalam surah al-Baqarah ayat 173, al-Maidah ayat tiga dan al-An‘am ayat 145.

Manakala plasenta yang diperoleh daripada haiwan yang mati secara penyembelihan menurut hukum Syarak, jumhur ulama kecuali Imam Abu Hanifah berpendapat ia suci. Sembelihan bermaksud menghilangkan nyawa haiwan yang halal dimakan dengan cara memutuskan urat *halqum* dan urat *marī’* menggunakan peralatan tajam disertai niat kerana Allah s.w.t. Jumhur ulama telah bersepakat bahawa haiwan yang disembelih menggunakan nama Allah adalah halal (al-Fawzān 1988). Ini merupakan kaedah penyucian untuk menjadikan haiwan itu halal dimakan dengan cara mengeluarkan sebahagian

darah yang mengandungi kuman dan bakteria berbahaya dari tubuhnya.

al-Hattab (1995) dan al-Dusuqi (t.th.) dalam kalangan ulama mazhab Maliki menyimpulkan pendapat Ibn Rushd bahawa plasenta itu suci kerana ia diambil daripada haiwan yang disembelih. Mereka juga berpendapat sebegitu berdasarkan kepada pendapat Ibn ‘Arafah yang cenderung kepada pendapat sebahagian gurunya yang menyatakan bahawa hukum plasenta mengikuti (hukum) janin; jika janin itu halal dimakan maka plasentanya juga halal. Penentuan kenajisan atau kesucian janin itu bergantung kepada induknya sama ada halal atau sebaliknya. Sekiranya induknya halal dan disembelih, maka janin dan plasentanya juga halal.

Asas penetapan berdasarkan kepada firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Dialah (Allah) yang menciptakan segala apa yang ada di bumi untukmu (al-Qur'an, al-Baqarah 2: 29).

Sesungguhnya ayat di atas menjelaskan bahawa Allah s.w.t menciptakan sesuatu yang ada di bumi ini kepada manusia supaya dimanfaatkan dalam kehidupan (Ibn Kathīr 2000). Perkataan ‘*khalāqa*’ bermaksud mengeluarkan dari ‘tiada’ kepada ‘ada’ supaya hidup manusia sempurna dan menjadikan ia nikmat dengan menjadikan bumi ini sebagai tempat kehidupan dan bukti keesaan-Nya (al-Tabari 2005).

Dalam firman Allah s.w.t yang lain pula menggariskan bahawa:

Dan binatang ternak telah diciptakan-Nya untuk kamu, padanya ada (bulu) yang menghangatkan dan pelbagai manfaat, dan sebahagiannya kamu makan (al-Qur'an, al-Nahl 16:5).

Menerusi ayat ini, Allah s.w.t menganugerahkan binatang ternakan kepada hamba-Nya seperti unta, lembu dan kambing. Kemudian, Dia menjadikan pula haiwan-haiwan tersebut dengan kemaslahatan dan kemanfaatan supaya hamba-Nya memperolehi kehangatan dari bulunya dan manfaat lain seperti meminum susunya dan memakan anak-anak haiwan tersebut (Ibn Kathīr 2000).

Ia juga berdasarkan kepada firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Maka makanlah (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, jika kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya (al-Qur'an. al-Ancām 6: 118)

Allah s.w.t menyebut dalam ayat ini bahawasanya dibolehkan kepada hamba-Nya memakan haiwan yang disembelih dengan menyebut nama-Nya. Sembelihan tanpa disebut nama Allah adalah sembelihan yang tidak sah dan haiwan itu tidak boleh dimakan (Ibn Kathīr 2000). Hal ini kerana ia tergolong sebagai bangkai. Sekiranya plasenta diambil daripada haiwan yang disembelih, maka ia suci.

Selain itu, ia berdasarkan kepada hadith Abu Sa‘id al-Khudri r.a, beliau berkata:

Kami bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang anak binatang yang masih dalam kandungan, lalu Baginda

bersabda: “Makanlah jika kamu mahu, sesungguhnya penyembelihannya adalah dengan penyembelihan ibunya”. (Ibn Majah. *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Dhabā’ih. Bab Dhakāt al-janin dhakāt ummih). Hadith ini *sahīh* menurut Ibn Hibban.

Hadith ini menerangkan tentang hukum janin yang mengikut hukum induknya yang telah disembelih. Sekiranya janin itu keluar daripada induknya yang disembelih, maka janin tersebut halal. Ibn Mundhir menukilkan bahawa tiada sahabat mahupun ulama yang menyebut janin itu tidak boleh dimakan melaninkan Imam Abu Hanifah. Perkara ini berlandaskan kepada penjelasan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqi bahawa ‘menyembelih janin cukup dengan menyembelih ibunya’. Perkataan ‘ba’ dalam riwayat itu sebagai *sababiyyah* yang bermaksud dengan sebab ibunya disembelih, maka janinnya juga halal (al-Šan‘ani 1988).

Dalam hadith lain pula menyatakan:

Daripada ‘Abdullah bin ‘Umar dia berkata: “Jika unta disembelih, maka janin yang ada di dalam unta tersebut hukumnya sama dengan unta yang telah disembelih, dengan syarat janin tersebut telah sempurna dan tumbuh rambutnya. Jika telah keluar dari perut induknya, maka hendaklah disembelih supaya keluar darah dari kerongkongnya”. (Mālik. *Muwaṭṭa’ Mālik*. Kitab al-dhabā’ih. Bab dhakāt ma fi baṭn al-dhabīḥah).

Memandangkan plasenta juga sebahagian daripada haiwan yang disembelih seperti janin dan anggota lain, maka ia suci dan halal. Sesungguhnya setiap bahagian anggota yang diperoleh daripada haiwan yang disembelih, hukumnya adalah suci disebabkan oleh induknya yang suci kecuali tahi, air kencing dan seumpamanya.

Dalam situasi ini (mati secara sembelihan) juga, plasenta boleh diklasifikasikan sebagai najis. Ini berdasarkan kepada kenyataan al-Ramli (t.th.) dalam kalangan ulama mazhab Syafie bahawa plasenta yang terpisah daripada haiwan ketika masih hidup ataupun selepas mati adalah bangkai meskipun ia terpisah disebabkan oleh perbuatan manusia yang memotongnya ataupun secara semula jadi. Selain itu, al-Bar (1994) dan al-Kāsāni (2003) menyimpulkan pendapat Imam Abu Hanifah yang menyatakan bahawa bahagian tubuh yang mempunyai darah adalah najis.

Setelah meneliti hujah-hujah yang telah dikemukakan, penentuan sama ada plasenta itu suci atau najis bergantung kepada keadaan haiwan ketika plasentanya diambil. Plasenta itu suci sekiranya diambil daripada haiwan yang halal dimakan dan disembelih mengikut ketetapan Syarak serta suci daripada darah, namun ia menjadi najis sekiranya diambil daripada haiwan yang halal dimakan ketika masih hidup atau mati tanpa disembelih mengikut hukum Syarak. Kebanyakan pendapat yang dinyatakan oleh para ulama mengenai anggota tubuh yang terpisah daripada induknya dalam suatu keadaan hampir sama. Pada tafsiran najis, ada pendapat menyatakan najis itu disebabkan oleh bangkai dan pendapat lain menyatakan najis itu disebabkan oleh darah.

Bangkai ialah haiwan yang mati bukan melalui sembelihan yang disahkan oleh Syarak termasuk anggota tubuh haiwan yang dipotong ketika masih hidup (‘Awadah 2002; al-Sayyid Sabiq, 1999). Dalam pengertian lain, al-‘Ayni (2000) mendasari pendapat Imam al-Shafi‘i yang menterjemahkan bangkai sebagai sesuatu yang terpisah daripada rohnya. Kewujudan roh membuktikan anggota tersebut dihingga hidupan (al-Ḥabib 2001). Walau bagaimanapun, Ibn Taymiyyah (1991) membahagikan hidupan kepada dua jenis iaitu haiwan dan tumbuhan. Hidupan haiwan memiliki deria rasa dan pergerakan sendiri (*al-hiss wa al-harakah al-irādiyyah*), sementara hidupan tumbuhan membesar dan mendapatkan makanan (*al-numuww wa al-ightidha*). Memandangkan plasenta memiliki ciri-ciri deria rasa dan pergerakan sendiri (*al-hiss wa al-harakah al-irādiyyah*), maka ia tergolong dalam kelompok hidupan haiwan.

Di samping itu, sebab (*illah*) disabitkan kenajisan bangkai ialah terkumpulnya darah pada bahagian tubuh (Ibn Taymiyyah 1991). Darah terbahagi kepada dua jenis iaitu darah yang mengalir dan tidak mengalir. Jumhur ulama telah bersepakat bahawa darah yang mengalir dalam kuantiti yang banyak daripada haiwan selain haiwan air sama ada ketika hidup atau setelah mati adalah najis. Walau bagaimanapun, darah ikan, hati, limpa, jantung atau darah yang terkumpul dalam urat haiwan yang disembelih selagi tidak mengalir adalah suci (al-Qurtubī 1982; al-Zuhayli, Wahbah t.th.).

Merujuk kepada subjek perbincangan, plasenta merupakan organ dari jisim tisu lembut yang melekat pada janin. Setelah janin mengalami implantasi, plasenta berkembang pada dinding rahim dan keluar bersama anak semasa proses kelahiran. Ia terpisah dari rahim disebabkan oleh saluran darah rahim dan tisu pecah. Bahagian yang berasal daripada janin akan terkeluar sedangkan bahagian daripada induk yang membesar sepanjang tempoh kehamilan akan kembali ke asalnya setelah anak dilahirkan (Dictionary of Nature 1994; Encyclopedia of the Animal World 1982; Van Nostrand’s Scientific Encyclopedia 2008). Ini membuktikan bahawa plasenta hanya wujud dalam tempoh tertentu dan bukan sepanjang hayat haiwan. Sifatnya dan kewujudannya sedemikian sesuai dengan ciri-ciri hidupan haiwan yang memiliki deria rasa dan pergerakan sendiri (*al-hiss wa al-harakah al-irādiyyah*) seperti mana disebut oleh Ibn Taymiyyah (1991). Justeru, plasenta merupakan suatu yang hidup dan apabila terpisah dari hidupnya tanpa disembelih, maka ia dikategorikan sebagai bangkai.

#### HUKUM PENGGUNAAN BAHAN KECANTIKAN YANG MENGANDUNG PLASENTA DI MALAYSIA

Di Malaysia, hukum penggunaan bahan kecantikan yang mengandungi plasenta tidak dinyatakan secara jelas kerana tiada fatwa khusus mengenainya.

Merujuk fatwa yang sedia ada, penggunaan plasenta dalam produk kecantikan adalah harus seperti mana termaktub dalam fatwa yang diputuskan oleh Lajnat al-Ifta' (2013) dengan kerjasama Mufti Besar Jordan; Sheikh Abdul Karim Khasawneh dan Majelis Ulama Indonesia (MUI) (2011). Hukum penggunaannya diharuskan dengan syarat plasenta yang digunakan diambil daripada haiwan yang halal dimakan dan disembelih mengikut ketentuan Syarak serta bebas dari darah.

Menyedari sebahagian produk kecantikan yang ditawarkan di pasaran mengandungi plasenta haiwan dan tiada fatwa khusus mengenainya, maka penilaian secara komprehensif dilaksanakan untuk menentukan hukum kandungan produk. Dalam konteks pelaksanaannya di Malaysia, penilaian yang dilakukan merangkumi keperluan perundangan dan keperluan Syari'ah.

Dari aspek keperluan perundangan, produk kecantikan dikawal selia oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum dikilang, diimport, diedarkan atau dijual kepada pengguna. Menurut Karen & Wan Najihah (2017), produk jenis ini dibenarkan untuk mendapatkan mendapat kelulusan untuk berada di pasaran. Kriteria penilaian berdasarkan kepada aspek keselamatan dan kualiti terdapat pada sijil analisa semasa permohonan notifikasi dilakukan. Penilaian dilakukan secara pendokumentasian melalui sijil analisa dan ini merupakan satu alternatif untuk mendapatkan kelulusan kerana Malaysia tidak mempunyai peralatan khas untuk menjalankan ujian makmal ke atas kandungan produk.

Manakala daripada aspek keperluan Syariah, produk tersebut dikawal selia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Menurut Nur Azlina (2016), produk jenis ini tidak dibenarkan untuk mendapatkan pensijilan halal kerana mengandungi bahan yang bernajis. Dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) 2014 di bawah klausula 2.3.2 berkenaan takrifan 'halal' dan dibaca bersama MS 2200:2008 Barang Gunaan Islam – Bahagian 1 di bawah klausula 3.5.1 berkenaan 'najis' menurut hukum Syarak, plasenta merupakan suatu bahan yang najis. Penggunaan bahan bersumberkan najis tidak dibenarkan untuk mendapatkan sijil halal kerana kriteria yang diperlukan untuk mendapat sijil berkoncepcion *halalan tayyiba* yang merangkumi kesucian, keselamatan, kemanfaatan dan kualiti. Namun begitu, ketiadaan sijil halal pada produk untuk dipasarkan di pasaran bukanlah kesalahan kerana peruntukan yang dinyatakan hanya digunakan sebagai garis panduan dan bukan bersifat mandatori serta tiada tindakan undang-undang dikenakan ke atas pihak terlibat. Oleh demikian, produk kecantikan yang mengandungi plasenta di Malaysia mempunyai dua status yang berbeza. Hal ini kerana penilaian yang digunakan berbeza berdasarkan peruntukan perundangan yang berbeza.

Berdasarkan kepada fakta dan hujah yang dikemukakan, boleh disimpulkan bahawa plasenta dikategorikan dalam kelompok hidupan haiwan kerana ia suatu bahagian tubuh yang mempunyai deria rasa dan pergerakan sendiri. Ciri-ciri tersebut menunjukkan bahawa bahagian tubuh itu diklasifikasikan sebagai hidup. Setiap suatu yang hidup akan mati dan hukumnya bergantung kepada bagaimana ia mati. Dalam perkara ini, plasenta yang digunakan dalam penghasilan produk kecantikan diambil setelah haiwan melahirkan anak dan ini membuktikan bahawa ia bukan diambil dari haiwan yang disembelih. Justeru, penulis lebih cenderung dan bersetuju dengan pendapat yang mentarjihkan bahawa plasenta itu najis. Meskipun produk jenis ini mendapat notifikasi daripada KKM, pengguna Muslim khususnya perlu menitikberatkan isu halal haram sebelum menggunakan sesuatu produk. Oleh yang demikian, penggunaan plasenta haiwan dalam produk kecantikan di Malaysia adalah tidak harus.

## KESIMPULAN

Menerusi kajian ini, penulis berpendapat bahawa penggunaan plasenta haiwan dalam produk kecantikan di Malaysia adalah tidak harus. Meskipun produk jenis ini mendapat kelulusan daripada KKM, pengguna Muslim khususnya perlu menitikberatkan isu halal haram sebelum menggunakan sesuatu produk. Isu kepenggunaan seperti ini timbul disebabkan oleh ketidakselarasannya yang diamalkan di Malaysia. Oleh itu, pihak berwajib perlu menilai semula dasar yang diamalkan demi menjaga sensitiviti pengguna. Penulis mencadangkan supaya satu ketetapan hukum perlu diputuskan dengan menyatakan bahawa penggunaan plasenta haiwan dalam produk kecantikan di Malaysia adalah tidak harus demi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pengguna hari ini.

## RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim.*
- al-'Aini, Badr al-Din Mahmud bin Ahmad. 2000. *al-Binayah Sharh al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-'Asqalani, Ibn Ḥajr. 1998. *Bulugh al-Maram min Adillah al-Aḥkam*. Jil. 1. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Dar al-Šamā'iyyah.
- al-'Asqalani, Ibn Hajr. 1996. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Jil. 2. Kaherah: Dar Abi Hayyan.
- Awdah, Ḥussin. 2002. *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Muyassarah fi Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah al-Muṭahharah*. Jil. 1. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Bar, 'Ali. 1994. *al-Mawquf al-Fiqh wa al-Akhlaq min Qadiyyah Zar'i al-'Ada'*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Chakraborty & Bhattacharyya. 2012. Aqueous extract of human placenta as a therapeutic

- agent. Dlm. Zheng, Jing (pnyt.). *Recent Advances in Research on the Human Placenta*, hlm. 77-92. t.t.p.: InTech.
- Charites Japan Inc. t.th. The manufacturing process of placenta extract. <http://en.charitesjapan.co.jp/about-our-factory/the-manufacturing-process/> [25 Disember 2015].
- Cho, H. R., Ryou, J. H., Lee, J. W. & Lee, M. H. 2008. The effects of placental extract on fibroblast proliferation. *Journal of Cosmetic Science* 59: 195-202.
- Dictionary of Nature*. 1994. Great Britain: Dorling Kindersley Ltd.
- al-Dusuqi, Irfah. t.th. *Hashiyah al-Dusuqi 'ala al-Sharh al-Kabir*. Jil.1. t.t.p.: Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Encyclopedia of the Animal World*. 1982. Jil.15. Australia: Bay Books Sydney.
- al-Fawzān, Ṣāleḥ bin Fawzān bin Ḥabdullah. 1988. *al-Af'imah wa Ahkam al-Sayd wa al-Dhabaih*. Riyad: Maktabah al-Ma'ārif.
- H, Renuka. 2013. Therapeutic applications of the human and animal placenta. *International Journal of Futuristic Science Engineering and Technology* 1: 89-91.
- Hasan Sulaiman al-Nuri, Ḩalwī Ḩabbas al-Maliki & Abu Ḩabd Allah bin Ḩabd al-Salam Ḩallusy. 2011. *Ibanah al-Ahkam Sharh Bulugh al-Maram*. (pnyt.: Sabariah Bakri). Batu Caves: al-Hidayah Publication.
- Hassali, MA., Al-Tamimi, SK., Dawood, OT., Verma, AK. & Saleem, F. 2015. Malaysian cosmetic market: current and future prospects. *Pharmaceut Reg Affairs* 4: 155.
- al-Hattab, Muhammad bin Muhammad ibn Ḩabd al-Rahman. 1995. *Mawaḥib al-Jalil fi Sharh Mukhtaṣar Khalil*. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Haytami, Ibn Ḥajr t.th. *Tuhfah al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj*. [http://library.islamweb.net/newlibrary/display\\_book.php?ID=42&startno=63&start=63&idfrom=1963&idto=2335&bookid=20&Hashiya=2](http://library.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?ID=42&startno=63&start=63&idfrom=1963&idto=2335&bookid=20&Hashiya=2) [30 November 2016].
- al-Husayni, Taqi al-Din. t.th. *Kifayah al-Akhyar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Ḩashur, Muhammad Tahir. t.th. *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. [http://library.islamweb.net/newlibrary/display\\_book.php?flag=1&bk\\_no=61&surano=9&ayano=28](http://library.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?flag=1&bk_no=61&surano=9&ayano=28) [9 November 2016].
- Ibn Kathīr. 2000. *Tafsir*. Riyad: Dar al-Salam
- Ibn Majah. 2000. *Sunan Ibn Majah*. Jil.3. Beirut: Dar al-Ma'ārifah.
- Ibn Qudamah. 1994. *Al-Mughni 'ala Mukhtaṣar al-Khiraqi*. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah. 1991. *Fiqh al-Taharah*. Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014*. Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jeung, Hi Han., Mi-Ryung, Kim., Yooheon, Park., Yang Hee, Hong. & Hyung Joo, Suh. 2013. Skin permeability of porcine placenta extracts and its physiological activities. *Korean J. Food Sci. An.* 33(3): 356-362.
- Jabatan Standard Malaysia. 2008. *MS 2200:2008 Barang Gunaan Islam - Bahagian 1: Kosmetik Dan Dandanan Diri – Garis Panduan Umum*. Malaysia: Jabatan Standard Malaysia.
- Kamus Dewan*. 1994. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karen Wong Yoke Sim & Wan Najihah binti Wan Muhammad Afifi. 2017. Penggunaan plasenta dalam produk kecantikan menurut pandangan pakar (Unit Suplemen Kesihatan, Seksyen Ubat Komplementari dan Alternatif, NPRA). Temu bual, 10 Januari.
- al-Kāsāni. 2003. *Bada'i al-Ṣanda'i fi Tartib al-Shara'i*. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ki-Bae, Hong. Yooheon, Park. Jae, Hwan Kim. Jin, Man Kim. & Hyung, Joo Suh. 2015. Effects of porcine placenta extract ingestion on ultraviolet B-induced skin damage in hairless mice. *Korean J. Food Sci. An.* 35(3): 413-420.
- Lajnah al-Ifta'. 2013. Hukum menggunakan plasenta haiwan dalam farmaseutikal dan kosmetik. <http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2797#.WAZUOV97IW> [17 Oktober 2016].
- Low, Li Ying. 2014. *Sahabat Farmasi: Suplemen dan Anda*. Melaka: Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.
- Majelis Ulama Indonesia. 2011. Fatwa tentang Penggunaan Plasenta Hewan Halal untuk Bahan Kosmetika dan Obat Luar. No.30, tahun 2011.
- al-Majjāji, Muhammad Sukhāl. 2010. *al-Muhaḍhzab min al-Fiqh al-Maliki wa Adillatihī*. Jil.1. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Mālik, Anas. t.th. *Muwaṭṭa'*. t.t.p.: Maktabah al-Tawfiqiyah.
- MedicineNet. t.th. Placenta. <http://www.medicinenet.com/script/main/art.asp?articlekey=4918> [10 April 2016].
- Mosby's Dictionary of Medicine, Nursing & Health Professions*. 2009. Edisi ke-8. Missouri: Mosby Elsevier.
- Mu'jam al-Mu'tamad*. 2007. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muralidhar, R. V. & Panda, T. 1999. Useful products from human placenta. *Bioprocess Engineering* 20: 23-25.
- Muralidhar, R. V. & Panda, T. 2000. Value based products from human placenta. *Bioprocess Engineering* 22:145-148.
- Narkbunnum, W., Rungkasiri, T. & Bunaprasert, T. 2011. Challenges and opportunities: human

- placenta extract product development in Thailand. *International Journal of Management & Business Studies* 1: 111-114.
- National Pharmaceutical Control Bureau. 1984. *Control of Drugs and Cosmetics Regulations*. Malaysia: Ministry of Health.
- al-Nawawi, Muhyi al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. 2005. *Manhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Mufitin*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Nur Azlina Mokhtar. 2016. Penggunaan plasenta dalam produk kecantikan menurut pandangan pakar (Bahagian Hab Halal, JAKIM). Temu bual, 16 Disember.
- Nurhirza Shaiful Yamin. 2016. Penggunaan plasenta dalam produk kecantikan menurut pandangan pakar (Seksyen Kosmetik, Pusat Pasca Pendaftaran Produk, NPRA). Temu bual, 28 Disember.
- Oxford Dictionaries. t.th. Beauty product. [https://en.oxforddictionaries.com/definition/beauty\\_product](https://en.oxforddictionaries.com/definition/beauty_product) [23 Oktober 2016].
- al-Qurtubī, Ibn Rushd. 1982. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtaṣid*. t.tp.: Dar al-Ma'arifah.
- al-Ramli. t.th. *Nihayah al-Muhtaj ila Sharḥ al-Minhaj*. Jil.1. Riyad: Maktabah al-Islamiyyah.
- Sabiq, al-Sayyid. 1999. *Fiqh al-Sunnah*. Jil.1. Kaherah: al-Fath li 'Ilam al-'Arabi.
- al-Sa'di, Nasir. 2002. *Manhaj al-Salikin*. Riyad: Dar al-Watan.
- al-Šan'ani, Muhammad bin Isma'il al-Amir. 1988. *Subul al-Salam Sharḥ Bulugh al-Maram*. Jil.4. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- al-Šan'ani, Muhammad bin Isma'il al-Amir. 2000. *Subul al-Salam Sharḥ Bulugh al-Maram*. Kaherah: Dar al-Hadīth.
- Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Lidia Fitri. 2014. Ketekalan gelagat pengguna Muslim terhadap status halal: ke arah strategi berkesan promosi produk halal. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9*, hlm. 736 – 746.
- Shahril Effendi Shuib. 2013. *Placenta for cosmetic purpose and cell regeneration*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- al-Sharbini, Khatib. 1998. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-Faṣ al-Minhaj*. Jil.1. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Shawkani. 1998. *Nayl al-Awtar*. Beirut: Dar al-Khayr.
- Shinde, Vaibhav M., Paradkar, A. R. & Mahadik , Kakasaheb R. 2009. Human placenta: potential source of bioactive compounds. *Pharmacologyonline* 1: 40-51.
- Shuhaimi Mustafa, Mohammad Aizat Jamaludin, Dzulkifly Mat Hashim & Puziah Hashim. 2013. Farmaseutikal dan kosmetik halal: isu dan cabarannya. Dlm. Nurdeng Deuraseh, Russly Abdul Rahman, Shuhaimi Mustafa, Jamilah Bakar & Dzulkifly Mat Hashim (pnyt.). *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*, hlm. 82-86. Serdang: Institut Penyedikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.
- al-Tabari, Abu Ja'afar bin Muhammad bin Jarir. 2005. *Tafsir al-Tabari*. Qaherah: Dar al-Salam.
- Tahir, al-Habib. 2001. *al-Fiqh al-Maliki wa Adillatuh*. Jil.1. Beirut: Muassasah al-Ma'ārif.
- al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa. 1962. *al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmidhi*. Jil. 4. t.tp.: t.pt.
- U.S. Commercial Service. 2015. *Cosmetics, toiletries and skincare market overviews, compiled by U.S. Commercial Service Hong Kong*. t.tp: U.S. Commercial Service.
- Van Nostrand's Scientific Encyclopedia. 2008. Embryo. Jil.1. Kanada: John Wiley & Sons, Inc.
- Wanjari, N. & Waghmare, J. 2015. A review on latest trend of cosmetics-cosmeceuticals. *International Journal of Pharma Research* 4(5): 45-51.
- Yoshida. 2001. *A useful guide for those seeking placenta-based remedies. Placenta power: for health and beauty*. t.tp. t.pt.
- Zell-V. t.th. Zell-V platinum ekstrak plasenta biri-biri. <http://zell-v.com/my/images/pdf/ZELL-V-Platinum-Sheep-Placenta-Extract-Booklet-BM.pdf> [9 Jun 2016].
- al-Zuhayli, Wahbah. t.th. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil. 1. Damsyik: Dar al-Fikr.

Siti Maryam Abdullah,  
*sitimaryamabdullah7@gmail.com*  
Pelajar Sarjana  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor,  
MALAYSIA.

Che Maryam Ahmad  
*cyam@ukm.edu.my*  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor,  
MALAYSIA.

**JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW (2018) 3(2)**

**KANDUNGAN / CONTENTS**

<b>Hukum Penggunaan Plasenta Haiwan dalam Produk Kecantikan di Malaysia</b> <i>The Legal Status on the Use of Animal Placenta in Beauty Products in Malaysia</i> Siti Maryam Abdullah, Che Maryam Ahmad	1-10
<b>Teknik Dakwaan Melampau dalam Pemasaran Produk Pengguna Menurut Perspektif Hukum Islam</b> <i>Overclaim Technique in the Marketing of Consumer Product According to Islamic Ruling Perspective</i> Mohd Anuar Ramli, Mohammad Naqib Hamdan, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli	11-19
<b>Keperluan Saksi dalam Permohonan Pengesahan Kes Hibah di Mahkamah Syariah</b> <i>The Necessity of Witness in Hibah Application in Sharia Court</i> Amirul Adli, Noor Lizza Mohamed Said	20-27
<b>Analisis Hukum Penggunaan Dana Zakat untuk Pembangunan Model Takaful Mikro</b> <i>An Analysis on the Ruling of Using Zakat Fund for the Development of Micro Takaful Model</i> Nik Abdul Rahim Bin Nik Abdul Ghani, Nurul Ilyana Muhd Adnan, Ahmad Dahlan Salleh, Salmy Edawati Yaacob, Rubayah Yakob, Hendon Redzuan	28-36

Journal of Contemporary Islamic Law  
(2018) Vol. 3(2)

**Editor-In-Chief**  
Dr. Mohd Al Adib Samuri

**Co-Editor**  
Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**  
Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editors**  
Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad  
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad  
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad  
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah  
Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim  
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

**Chief Managing Editor**  
Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**  
Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**  
Dr. Mohd Zamro Muda  
Md. Yazid Ahmad

**Editor**  
Dr. Mohammad Zaini Yahaya  
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani  
Dr. Azlin Alisa Ahmad  
Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**  
Centre for Contemporary Fiqh and Sharia  
Compliance,  
Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**  
Author, (2018), Title, Journal of Contemporary  
Islamic Law, 3(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**  
This work is licensed under a Creative Commons  
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works  
3.0 Unported License  
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>). You can download an electronic version  
online. You are free to copy, distribute and transmit  
the work under the following conditions:  
Attribution – you must attribute the work in the  
manner specified by the author or licensor (but not  
in any way that suggests that they endorse you or  
your use of the work); Noncommercial – you may  
not use this work for commercial purposes; No  
Derivative Works – you may not alter, transform, or  
build upon this work.